

01/11/2000

Draf Rancangan Tempatan dipamer sebulan

PEMBANGUNAN dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) memberi kesan kepada penduduk sedia ada, bakal penduduk, pelabur serta negara keseluruhannya.

Orang ramai sebenarnya berfungsi penting dalam menentukan setiap pembangunan di mana-mana kawasan di negara ini, termasuk pembangunan di kawasan MSC.

Sehubungan itu, mereka perlu mengambil peluang dengan menyertai seranta dan bantahan awam draf Rancangan Tempatan dalam kawasan MSC yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri akan melancarkan lima draf rancangan tempatan, iaitu Draf Rancangan Tempatan Cyberjaya Luar Flagship, Dengkil, Salak Tinggi, Sungai Merab dan Pinggiran KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang).

Draf Rancangan Tempatan itu akan dipamerkan selama sebulan hingga 30 November ini di Majlis Daerah Sepang. Pada masa sama, Draf Rancangan Tempatan Pinggiran KLIA yang membabitkan sebahagian kawasan Majlis Daerah Kuala Langat turut dipamerkan di Majlis Daerah Kuala Langat.

Orang ramai boleh membuat semakan dan bantahan dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Selain itu, orang ramai boleh membuat semakan atau bantahan dengan melawat laman <http://www2.townplan.gov.my/rtmsc/index.html>.

Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Datuk Prof Zainuddin Muhammad berkata, seranta Draf Rancangan Tempatan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai satu perancangan masa depan bagi sesuatu kawasan yang dikenal pasti.

"Ini adalah inisiatif merancang bersama rakyat. Kita mahu rakyat bersama-sama mengambil bahagian dalam pembangunan untuk mereka," katanya.

Dalam konteks Perancangan Bandar dan Desa, ada dua dokumen perancangan yang berlandaskan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Dokumen statutori itu adalah Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

Rancangan Struktur adalah pelan strategik, yang mana dasar dan maksudnya diperincikan dalam Rancangan Tempatan.

Rancangan Tempatan adalah dokumen perancangan yang mengandungi pernyataan bertulis yang disokong dengan gambar rajah, lakaran, foto dan peta cadangan.

Dokumen ini juga disertakan garis panduan pembangunan yang menjelaskan syarat dan perkara yang perlu dipatuhi apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan.

Pada lazimnya, rancangan ini disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung untuk pihak berkuasa tempatan.

Zainuddin berkata, mengikut Akta 172, orang ramai hendaklah diberi peluang untuk memeriksa dan meneliti Draf Rancangan Tempatan yang telah disediakan.

Bagi tujuan itu, antara caranya ialah dengan mengadakan pameran yang menunjukkan cadangan pembangunan masa depan kawasan itu.

Menurutnya, cadangan yang dikemukakan termasuk penggunaan tanah, demografi, utiliti, kemudahan masyarakat dan pembaikan alam sekitar.

"Orang ramai diberi peluang memberi komen, cadangan baru atau bantahan terhadap semua perancangan yang dirangka.

"Bagaimanapun, sebarang cadangan atau bantahan itu hendaklah berkepentingan umum," katanya.

Zainuddin berkata, orang ramai, khususnya penduduk setempat, perlu

mengambil peluang untuk meneliti cadangan pembangunan di kawasan itu.

Katanya, orang ramai perlu menggunakan peluang itu sebaik mungkin kerana setiap pembangunan yang dijalankan pasti membabitkan kawasan mereka.

"Kita telah menyediakan draf Rancangan Tempatan untuk disemak dan dibantah oleh orang ramai.

"Kita mahukan orang kampung datang melihat pameran ini. Kalau mereka tidak faham, ada pegawai dan kakitangan yang boleh membantu.

"Jika tidak puas hati dengan perancangan pembangunan itu, mereka boleh membuat bantahan dengan mengisi borang.

"Kerajaan kemudian akan melantik satu jawatankuasa bagi menilai dan meneliti bantahan itu untuk tindakan seterusnya.

"Jika bantahan itu munasabah dan berpatutan serta berkepentingan awam, kita akan pinda pelan berkenaan," katanya.

Zainuddin berkata, pelan itu kemudian diwartakan dan tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya.

Menurutnya, kerajaan atau pemaju perlu menghormati pelan itu dan setiap perancangan pembangunan mesti mengikuti ketetapan pelan berkenaan.